

17/02/2002

USA Today, New York Times, burukkan negara

Munsiyi

WARTAWAN Berita Harian yang ke New York mengikut rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad menghadiri sidang ekonomi dunia, minggu lalu terkejut apabila sampai di Lapangan Terbang John F Kennedy. Muka depan akhbar USA Today memaparkan laporan Malaysia pusat merancang dan melancarkan serangan pengganas ke atas WTC, 11 September lalu. Begitu juga The New York Times (muka dalam). Akhbar Singapura, The Straits Times turut menyiarkan berita senada.

MUNSYI: Bukan saja tiga akhbar itu, malah majalah antarabangsa, Time dan Newsweek tidak melepaskan peluang mensasar dan memburuk-burukkan Malaysia. Apakah semua media itu mahu Pentagon mendesak Presiden George W Bush menyerang dan memusnahkan Bangunan Berkembar Petronas, menghuru-harakan negara kita berdasarkan dakwaan dan pengakuan individu dan kumpulan didakwa pengganas. Pengakuan dan dokumen mengandungi tuduhan itu diperoleh dekat Jakarta. Susulan daripada itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dilaporkan berkata, polis belum lagi menerima bukti kukuh komplot dikatakan dibongkar perisik di Jakarta itu.

Kita tidak meragui kecekapan PDRM menangani isu keganasan ini. Ogos lalu, PDRM berjaya menumpaskan kumpulan diketahui menaja keganasan dan ahlinya ditangkap, tetapi kejayaan ini dipersoal dan diperkecilkan Asian Wall Street Journal apabila penulisnya, Barry Wain dalam rencananya Opponent Groups Doubt Malaysia's Threat Claims (17 September 2001), memutuskan Dr Mahathir sebenarnya mahu memburukkan imej Pas. Rakan Munsiyi yang pernah bertugas di Jakarta menceritakan bandar raya metropolitan itu sebenarnya mempunyai pakar dengan pelbagai kuasa misteri dan ghaib. Di Jakarta semuanya ada, ada pakar pulihkan dara, pakar jelmakan kuasa ghaib untuk jadi kuat, ramuan untuk jadi kaya pun ada! Apa lagi jika mahu skrip drama dengan pelakornya pun bisa diatur..... semuanya ada tapi siapakan ongkosnya sekali.

Anehnya wakil ST Singapura begitu mudah memperoleh dokumen pengakuan rancangan kumpulan jihad mahu melancarkan serangan bom dan kononnya Malaysia pusat pertemuan pengganas. Jemaah Islamiah dan KMM dikatakan ada hubungan dengan al-Qaeda. Badan Perisik Nasional, Indonesia, kelmarin, meragui kesahihan dokumen itu dan menyifatkannya percubaan pihak tertentu mahu mencemarkan imej negaranya. Kita juga tertanya-tanya dari mana agaknya pemberita ST itu mendapat `dokumennya'. Apakah sebenarnya matlamat akhbar milik Yahudi Amerika dan juga ST Singapura yang mati-matian mahu menggambarkan Malaysia dan Indonesia tempat pertemuan pengganas antarabangsa yang ada kaitan al-Qaeda?

(END)